

## Etos Melayu Dalam Pengajaran *Sabil al-Muhtadin* Karya Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari<sup>29</sup>

Muammar Ghaddafi bin Hanafiah  
Wan Nasyrudin bin Wan Abdullah  
Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff  
muammar@ukm.edu.my

### Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti Etos Melayu dalam pengajaran *Sabil al-Muhtadin* karya Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari dari abad ke-19. Etos Melayu berfungsi sebagai asas kontrak sosial, pengukur moral, pergaulan dan rujukan dalam mengekalkan kestabilan masyarakat. Etos Melayu juga merupakan pembentuk ciri atau sifat bangsa Melayu. Namun Etos Melayu ini semakin berubah akibat saingan yang hebat dari nilai-nilai globalisme. Oleh itu Etos Melayu boleh dikaji untuk dipertahankan. Teks *Sabil al-Muhtadin*, karya agung Melayu dianalisis menggunakan teori dan konsep Etos Melayu. Hasil penelitian menunjukkan kandungan *Sabil al-Muhtadin* seluruhnya dibangunkan di atas nilai-nilai syarii yang universal seperti menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Nilai-nilai ini adalah intipati kepada 'nilai agama' yang pada sisi lain merupakan satu nilai dominan yang membentuk Etos Melayu. Nilai-nilai ini didukung oleh para agamawan Melayu dalam setiap pengajaran agama yang disampaikan oleh mereka kepada masyarakat supaya sentiasa dibudayakan dengan sasaran membentuk jati diri yang berfikiran jernih, berkeperibadian mulia dan berperadaban tinggi menurut lunas-lunas Islam.

**Kata kunci:** Arshad al-Banjari; Etos Melayu; globalisme; nilai-nilai Melayu; *Sabil al-Muhtadin*

### Pengenalan

Budaya Melayu mengandungi pelbagai nilai-nilai Melayu yang darinya terbentuk sistem nilai Melayu yang tersendiri. Sistem Nilai ini dipanggil dalam konteks ilmu budaya sebagai Etos Melayu. Etos bangsa Melayu harus bertindak dan berperanan sebagai kayu pengukur atau neraca penimbang bagi jati diri Melayu. Hal ini sudah diterima seadanya dalam dunia budaya Melayu sebagai adab berkeperibadian Melayu yang tidak boleh diabaikan dalam segenap aspek kehidupan demi menjaga kelangsungan jati diri Melayu.

Dalam zaman berteknologi moden yang berkonsepkan dunia tanpa sempadan kebimbangan mulai timbul apabila melihat tidak hanya segelintir daripada generasi Melayu yang tersasar dalam aspek membentuk diri sebagai orang Melayu apabila lebih memperagakan tingkah laku yang asing sama ada berlaku dengan kesedaran atau tidak. Untuk meneliti Etos Melayu, bahan-bahan sastera Melayu sering dirujuk oleh para pakar dan pengkaji budaya Melayu seperti Ismail Hamid (1991) dan Hanapi Dollah (2008).

---

<sup>29</sup>Penyelidikan ini dijalankan di bawah Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2016-022)

Dalam kajian ini, teks *Sabil al-Muhtadin* karya agung alim Melayu ternama, asal Banjar dianalisis. Hal ini dengan pengetahuan bahawa terdapat banyak kajian dijalankan ke atasnya melibatkan pemikiran, dakwah, politik dan sebagainya. Walaupun demikian karya agung ini masih harus diteliti dengan lensa budaya Melayu yang tulin agar dapat dipancarkan darinya bentuk Melayu Islam yang ingin dibentur dan dilentur oleh pengarangnya Syeikh Muhammad Arshad ibn Abd Allah al-Banjari.

Sekilas pandang ternyata teks *Sabil al-Muhtadin* mengandungi terlalu banyak nilai yang boleh membuatkan pembaca terkesima untuk mencari identiti Melayu darinya. Tambahan pula secara spesifik, jika dilihat secara asas ia adalah ilmu fekah Islam yang secara formal hanya mengkhususkan pengajaran ilmu fekah untuk kegunaan masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian.

Oleh itu, untuk merealisasikan pencarian nilai Melayu dalam kajian ini, perlu dikemukakan terlebih dahulu penjelasan tentang Etos Melayu secara ringkas dan padat supaya kefahaman yang terbina dapat memberi pencerahan untuk perbincangan kajian ini di akhir kajian ini.

### **Maksud Etos**

Sebagai pengenalan perkataan 'etos' merujuk kepada perkataan Yunani '*ethos*' membawa maksud 'sifat' atau 'ciri' sesebuah masyarakat atau komuniti. Sejarah asal penggunaan istilah ini dan perubahannya boleh dirujuk kepada perbahasan tentang Teori Retorik atau lebih spesifik *The Three Persuasive Appeals of Rhetoric*. (D.Madhavi Latha Murthi 2014) atau sebagai *Aristotle's 3 Rhetorical Appeals* atau *Modes of Persuasion* dan diperluaskan penggunaannya dalam pelbagai bidang berkait komunikasi termasuk kajian politik dan budaya. (Jane Stokes 2013; Ülkü D. Demirdöğen 2010; Triadafilos Triadafilopoulos. 2009)

Etos dapat diketengahkan dengan maksud karektor atau watak seseorang yang berbeza, sentimen, sifat moral, atau kepercayaan seseorang, kumpulan atau institusi. Dalam konteks budaya, etos digunakan untuk maksud nilai-nilai yang disanjung menjadi sistem nilai dalam masyarakat. Pakar Budaya Melayu, Hanapi Dollah (2008) menjelaskan etos merangkumi semangat, nilai, idea, kepercayaan, pemikiran, falsafah dan pandangan hidup sesebuah masyarakat. Dari perspektif budaya, etos adalah nilai atau sistem nilai sesebuah masyarakat. Sistem nilai pula merupakan salah satu aspek dalam budaya. Bahkan tidak salah sekiranya maksud etos merujuk kepada keseluruhan budaya itu sendiri. Abdul Razak Haji Ludin (1998) menjelaskan bahawa apabila memperkatakan tentang etos, bererti berbicara mengenai kebudayaan sesuatu bangsa atau masyarakat.

Mohd Taib Osman (1975) menjelaskan etos sebagai sistem nilai sosial yang terdapat dalam sesebuah budaya. Hanapi Dollah (2008) mengulas persoalan 'budaya' di dalamnya sebagai suatu yang sudah sinonim dengan etos itu sendiri iaitu nilai, kepercayaan, *world view*, semangat dan pemikiran.

Laurent Metzger (2007) menukilkan pendapat Rokeach tentang nilai merupakan kepercayaan yang lengkap pada seseorang berhubung dengan cara yang harus dilakukan oleh seseorang atau tidak harus dilakukan. Etos biasanya dapat diperhatikan dengan jelas dalam wacana tokoh politik, tokoh akademik dan wartawan.

Lebih spesifik, Hashim Haji Musa (2008) menjelaskan nilai ada empat jenis iaitu Nilai Estetika, Nilai Moral, Nilai Doktrin dan Nilai Budaya. Nilai Estetik adalah nilai yang berkaitan dengan ukuran rasa keindahan dan kecantikan. Nilai Moral dan Etika iaitu standard atau prinsip untuk mengukur dan menghakimi sama ada perlakuan, pendirian dan tujuan itu wajar atau tidak. Di sini, pada kebanyakan bangsa, nilai agama dan budaya tidak semestinya akan mempengaruhi keputusan. Nilai Doktrin termasuk agama dan manifesto politik iaitu berdasarkan kepercayaan, pendirian dan prinsip-prinsip yang menentukan apa yang patut, boleh dan baik untuk bertindak dalam lapangan kegiatan yang berkenaan. Nilai Budaya iaitu mengandungi norma dan peraturan yang boleh dikuatkuasakan oleh organisasi dan institusi masyarakat seperti undang-undang, adat istiadat dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, nilai atau etos Melayu yang difokuskan ialah yang menyentuh sistem nilai masyarakat Melayu. Secara spesifik, keutamaan nilai sesuatu bangsa ialah mengetahui nilai-nilai yang diutamakan dalam bangsa itu bukan nilai-nilai khususnya. Hal ini disebutkan demikian kerana dimaklumi bahawa tidak ada nilai khusus yang hanya ada pada satu-satu bangsa dan tidak langsung pada bangsa yang lain.

### **Etos Melayu**

Etos Melayu bermaksud nilai-nilai Melayu yang mampu menjelaskan watak asal peribadi bangsa Melayu kepada dunia luar. Biasanya etos ini sejak turun temurun diadat dan ditradisikan oleh masyarakat Melayu yang taat. Mereka adalah masyarakat Melayu yang memiliki sejarah peradaban tinggi sebagaimana dikenal oleh bangsa-bangsa lain di dunia sehingga mereka dimulia dan dihormati sejak dahulu kala. Ibn Batuta rhm. menulis pengalamannya dalam tahun 1345M menjadi tetamu di Samudra Pasai dan Melaka.

Nilai-nilai murni tradisi yang dimiliki oleh mereka sangat indah dan menarik perhatian. Walaupun demikian, tidak dapat dinafikan tiada bangsa yang sangat sempurna etosnya. Ada nilai-nilai etos yang disukai dan ada yang tidak disukai. Namun nilai-nilai utama dalam etos Melayu yang dipilih menjadi lambang kepada keluhuran jiwa dan keutuhan jati diri bangsa Melayu itu yang tetap dipandang dalam menyatakan siapa bangsa Melayu. Beberapa kelemahan sikap dan peribadi yang ada pada diri Melayu harus dilihat pada bagaimana tanggapan bangsa Melayu sendiri terhadapnya sama ada mereka menyetujui atau tidak. Juga, apakah alasan mereka menerima atau menolaknya sebagai nilai mereka. Orang Melayu berfalsafah bahawa yang baik diteladani dan yang buruk disempadani. Hal ini lebih tertonjol apabila Islam menjadi agama dan pegangan hidup yang sekaligus darinya dipelajari segala jenis nilai kebaikan sejati bagi membentuk jati diri yang paling sempurna dan agung.

Dalam konteks Etos Melayu, kajian pengkaji luar seperti Laurent Metzger (2007) dalam bukunya yang menarik berjudul *Nilai-Nilai Melayu: Satu Sudut Pandangan Orang Luar* memberi kesimpulan padu tentang jati diri Melayu sama ada di Brunei, Malaysia dan Indonesia yang dapat diletakkan di bawah satu konsep sahaja iaitu Melayu, Islam Beraja (MIB).

Dalam kajian Laurent Metzger (2009) banyak sekali nilai Melayu yang diperkatakannya menurut pandangan orang luar. Antara paling ketara ialah unsur Melayu Islam Beraja (MIB). Beliau mengangkat nilai-nilai Melayu berkaitan MIB seperti nilai sistem beraja yang terkait seterusnya dengan nilai kesahan seorang raja yang dilakukan dalam upacara rasmi pertabalan atau penobatan atau perpuspaan, nilai penghormatan kepada raja yang adil, nilai kebesaran tertinggi kepada raja dengan pemakaian gelaran-gelaran kebesaran tertinggi, nilai kedaulatan raja yang

terkait dengan nilai penghormatan kepada pemimpin-pemimpin Melayu dan nilai pengakuan kepada kesahan sebagai raja dengan pelbagai cara seperti ketinggian keturunan dan pengakuan dari kuasa luar.

Metzger juga menyentuh nilai Melayu yang bertapak di kampung sebagai tempat paling biasa dalam masyarakat Melayu. Nilai paling ketara ialah nilai kesopanan dan kesantunan nilai suka menerima tetamu, nilai kekeluargaan, nilai berbahasa sopan, besar hati dan berbudi, nilai berbudi bahasa, nilai gerak gerik yang sopan, nilai merendah diri, nilai mentaati ibu bapa, nilai menghormati orang tua, nilai beradab, nilai lemah lembut. Selain itu, Laurent Metzger mengatakan tentang nilai-nilai yang tidak baik seperti nilai berat mulut dan nilai lebih mengutamakan bentuk bukan isi. Juga nilai kurang sopan yang sering dinamakan kurang ajar yang dihina dalam masyarakat Melayu untuk dijadikan sempadan. Menurut Laurent Metzger lagi, nilai Melayu terpapar pada nilai tertib dan teratur dalam konsep struktur sistem kampung dan seni binaan rumah Melayu. Nilai Melayu jelas pada nilai tolong menolong, nilai gotong-royong, nilai humor atau makar, nilai toleransi dan nilai estetika.

Dalam kebimbangan meniti arus abad ke-21 yang pesat ini, sarjana Melayu masih tetap merenung keperluan membangun dan menerapkan nilai-nilai hati budi Melayu kepada tunas-tunas anak bangsa Melayu yang sedang dididik. Antaranya Hashim Haji Musa (2008) dalam bukunya *Hati Budi Melayu* berusaha menyenaraikan 26 sifat atau nilai yang diandaikan oleh beliau dapat diperturunkan kepada generasi terkini iaitu ‘Hidup berteraskan agama Islam’, ‘Pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal’, ‘Nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu’, ‘Taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka’, ‘Setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar’, ‘Halus budi bahasa dan budi pekerti’, ‘Sentiasa bermuafakat, bertegang rasa, tolong menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat’, ‘Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu’, ‘Sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas’, ‘Sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma dalam istilah “menjaga air muka” dan “rasa malu yang mendalam”’, ‘Tahu tempat dan letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya’, ‘Membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan’, ‘Menanam budi dan membalas budi’, ‘Sifat pemaaf dan pemurah’, ‘Sifat kasih sayang’, ‘Hidup sederhana’, ‘Ikhlas dan rela berkorban’, ‘Sikap berdikari’, ‘Menghormati hak dan milik’, ‘Kejujuran dan keikhlasan’, ‘Berbaik sangka terhadap sesama makhluk’, ‘Sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang’, ‘Sifat amanah’, ‘Memanfaatkan waktu, tidak membuang masa’, ‘Memandang masa depan’ dan ‘Mensyukuri nikmat Allah’.

Hanapi Dollah (2008) menjelaskan Etos Tradisi dan Etos Moden dalam masyarakat Melayu. Etos Tradisi yang masih terpelihara sejak dahulu yang terus kekal walaupun dalam arus pemodenan ialah nilai-nilai yang berkisar kepada prinsip-prinsip seperti muafakat, persaudaraan, kejiranan, kerjasama, tolong menolong, sama rata, setia, berbudi dan malu. Etos Moden Melayu pula menurutnya dipengaruhi oleh etos moden barat. Oleh itu ia berkisar kepada nilai kebendaan (materialisme), sekularisme, individualisme dan hiburan (hedonisme) yang meresap ke dalam kehidupan orang Melayu.

Muammar Ghaddafi dan Mohd Yuszaidy (2017; 2018) menjelaskan Etos Melayu tradisi yang paling menonjol pada diri bangsa Melayu sebagaimana dikenali ramai adalah kuat pegangan agama, lemah lembut, bersopan santun, berbudi bahasa, pemurah, suka merendah diri, berwaspada dan berhati-hati, berkata benar, bersabar, tekun bekerja, bekerjasama, bantu membantu, tolong menolong, bergotong royong, bermuafakat, bersatu padu, mengotakan janji, berbakti kepada ibu bapa dan memuliakan mereka, menghormati orang yang lebih tua, memuliakan guru, setia pada raja, taat kepada pemimpin, mematuhi adat bangsa, pemalu, menjaga maruah diri dan keluarga.

Bagi melihat nilai Melayu dalam kajian ini, skop nilai kuat pegangan agama atau lebih mudah disebut sebagai 'nilai agama' pada orang Melayu boleh dipilih sebagai landasan teori dalam kajian ini. Nilai agama adalah nilai tertinggi yang menentukan anutan, ikutan dan kepatuhan tertinggi orang Melayu dalam kehidupan iaitu aspek keagamaan atau kepercayaan tertinggi.

Nilai agama membentuk akal budi dan pandang alam atau *worldview* orang Melayu. Ia melatari pertimbangan terhadap pelbagai perspektif dalam kehidupan yang berlegar pada lima paksi atau prinsip atau persepektif utama yang disebut sebagai Maqasid Syariah iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.

Perbincangan tentang Maqasid Syariah semakin banyak diutarakan dalam masyarakat dan negara. Di zaman teknologi moden yang serba canggih ini para pemimpin, ulama dan masyarakat Islam di dunia termasuk di Malaysia sedang berusaha menekuni dan mendalami konsep dan falsafahnya sebagai usaha dan persediaan menghadapi dan mendepani cabaran zaman yang semakin besar dan komplikated. Usaha itu antaranya dapat dilihat dalam pembentukan sebuah indeks syariah Islam di Malaysia berteraskan Maqasid Syariah. (Jakim, 2015) Namun dalam kajian ini, dibataskan pemerhatian kepada perspektif penjagaan agama sahaja bagi menjelaskan bentuk rasa dan sensitiviti agama pada orang Melayu yang cuba dibentuk oleh Arsyad al-Banjari menerusi pengajaran kitab *Sabil al-Muhtadin*.

### **Etos Melayu Dalam *Sabil al-Muhtadin***

Kitab *Sabil al-Muhtadin* merupakan teks fekah Melayu Fekah yang besar dan padat dalam skop Ibadat. Namun huraian yang bersifat inklusif dan komprehensif berjaya membuktikan bentuk pertautan konteks ibadat yang disampaikan itu dengan tiga cabang bidang fekah yang lain seperti muamalat, munakahat dan jinayat meskipun tidak membawakan ketiga cabang fekah itu secara spesifik. Keluasan pengajarannya juga dapat menunjukkan bentuk ilmu Islam yang bersepadu kepada umat Melayu. Konsep penulisan fekah ibadat seperti ini cukup untuk membina kefahaman yang sempurna dalam pemikiran umat Melayu tentang Islam. Bahkan konsep ibadat dalam *Sabil al-Muhtadin* dapat diasumsikan pada akhirnya sebagai huraian langsung yang lengkap yang terbina di atas paksi lima Rukun Islam. Dan, dimaklumi bahawa Rukun Islam yang lima adalah membawa mesej fekah secara keseluruhannya. (Muammar Ghaddafi 2015 dan 2016)

Nilai agama sebagai antara nilai Melayu amat ketara efeknya dalam penulisan kitab *Sabil al-Muhtadin*. Hal ini adalah kerana *Sabil al-Muhtadin* dikarang oleh al-Banjari atas permintaan Sultan Banjar kepadanya untuk membaharui amalan keagamaan masyarakat Banjar. Bahkan al-Banjari turut merasakan keperluan untuk menuliskannya sebagai pembaharuan kepada kitab fekah Melayu pertama di dunia iaitu *al-Sirat al-Mustaqim* karya al-Shaykh Nur al-Din al-Raniri. Nilai

agama pada orang yang paling ketara dalam *Sabil al-Muhtadin* ialah kupasan mendalam terhadap fekah Islam untuk umat Melayu berpaksikan kepada lima rukun Islam iaitu Mengucap dua kalimah syahadah, Mengerjakan sembahyang lima waktu, Mengeluarkan zakat, Berpuasa di bulan Ramadan dan Mengerjakan haji jika berkuasa di Baitillah al-Haram.

Menurut maklumat yang diperolehi pengkaji dari kajian lapangan penyelidikan tahun 2018 ke beberapa pusat pengajian agama tradisional tersohor di Malaysia seperti Pondok Pasir Tumbuh dan Pondok Lubuk Tapah Kelantan, pengajian kitab *Sabil al-Muhtadin* masih terus dijalankan dalam proses menghasilkan seorang ilmuan bidang Islam. Hal ini kerana nilai keilmuannya yang tidak boleh ditinggalkan dalam membina kefahaman Mazhab Syafii di Nusantara.

Di Pondok Pasir Tumbuh, sesi pengajian kitab Jawi ini dipelajari secara konsisten dari kulit ke kulit. Untuk kitab *Sabil al-Muhtadin* sahaja pengajiannya mengambil masa selama lebih kurang dua tahun lebih iaitu selepas para pelajar menghabiskan pengajian dua kitab Jawi lain iaitu *Matla' al-Badrain* dan kitab *Bughyat al-Tullab*. Bahkan selepas menghabiskan kitab *Sabil al-Muhtadin* barulah boleh dipelajari kitab *Kashf al-Litham* yang kandungannya lebih kepada pembelajaran dan pendedahan cara berfatwa, tidak sama halnya dengan gaya tiga kitab sebelumnya yang disusun berbentuk silibus pengajian fekah secara biasa.

Di Pondok Lubuk Tapah pula pengajian kitab *Sabil al-Muhtadin* dikatakan memakan masa selama empat tahun biasanya. Ia dilaksanakan dalam bentuk pengajian khusus yang dimestikan ke atas setiap pelajar mengikutinya.

Seterusnya bagi menjelaskan penjagaan nilai agama yang diajarkan kepada masyarakat Melayu dalam *Sabil al-Muhtadin*, empat perspektif penjagaan nilai agama telah berhasil ditemui seperti berikut:

**i. Menjaga kemurniaan agama daripada bidaah:**

Dari persepektif penjagaan agama, teks kitab *Sabil al-Muhtadin* secara keseluruhan bertujuan menjaga hal ehwal dan selok belok melibatkan cara dan kaifiat khusus dalam mempraktik perintah dan larangan Allah khasnya dalam soal berkaitan lima Rukun Islam. Penjagaan agama itu tidak lengkap jika aspek-aspek yang boleh merosakkan agama tidak diberi perhatian. Oleh yang demikian dilihat, al-Banjari banyak menjelaskan perkara-perkara bidaah dalam agama yang harus dihindari dan diambil tindakan selagi boleh. Bahkan al-Banjari turut menjelaskan beberapa keadaan bidaah yang berbeza darjatnya serta hikmah dalam berinteraksi dengan persoalan bidaah tersebut agar bidaah tidak menular dalam masyarakat.

Hal ini jelas menunjukkan kepada bentuk nilai penjagaan agama yang dipraktikkan dalam masyarakat Melayu dalam pengajaran *Sabil al-Muhtadin*. Sebagai contoh menjaga kemurniaan agama daripada bidaah, al-Banjari menjelaskan dalam “{Fasal} Pada Menyatakan Sesetengah Daripada Sunat Yang Takluk Pada Berjamaah” juzuk 2, hlm. 39 dengan mengatakan makruh berimam kepada seorang ahli bidaah yang belum menjadi kafir kerana kebidaahannya meskipun tidak ada orang lain yang sesuai untuk dilantik menjadi imam ketika itu.<sup>30</sup>

---

<sup>30</sup> “(Dan demikian lagi), makruh berimamkan dan mengikut orang yang bidaah yang tiada jadi kafir ia sebab bidaahnya dan jika tiada diperoleh yang lain sekalipun (kata) Syekh Azraai haram mengikut dia atas orang yang

Di halaman yang disebutkan di atas, al-Banjari tidak memberikan contoh siapa ahli bidaah yang dimaksudkannya. Hal ini mungkin kerana pada juzuk 2, halaman 23 al-Banjari telah menjelaskan identiti mereka. Menurut al-Banjari, mereka ialah setengah daripada puak jabariah atau qadariah atau wujudiah atau rafadiyah. Jika dirujuk kepada Nawawi al-Bantani dalam kitabnya *Nihayat al-Zayn*, dijelaskan bahawa mereka ialah puak muktazilah, rafidah dan qadariah. (al-Banjari, t.th. 2:23; Al-Bantani, t.th. 118) Selain itu masyarakat Melayu dapat merujuk kepada kitab al-Banjari yang menyinggung persoalan bidaah dalam akidah iaitu kitab *Tuhfat al-Raghibin* yang menjelaskan dalam Fasal Kedua kitab yang membicarakan “Perkara Yang memutuskan Islam” khasnya dalam masalah “Jadi Bidaah dan Fasiq” serta ‘Tujuh Puluh Dua Puak Yang Sesat” dan “Bidaah Ada Lima Bahagian”. (al-Banjari, 2015)

Seterusnya al-Banjari mengatakan bahawa hukum makruh ini berubah menjadi haram jika makmum itu seorang yang terkenal dalam masyarakatnya sebagai orang alim. Kenyataan ini dinukil oleh al-Banjari dari al-Adhru<sup>ci</sup>. Alasan diharamkan demikian kerana dibimbangi timbul salah faham oleh masyarakat terhadap perlakuan si alim tadi seperti dapat mengubah persepsi orang terhadap bidaah yang didukung imam itu akan disangkakan sebenarnya tidak salah di sisi syariat. Berikutan dari itu, masyarakat akan terus menyebut-nyebut bidaah tersebut. Kebanyakan masyarakat cemerkap kerana menilai kesanggupan si alim menjadi makmum kepada ahli bidaah tersebut sebagai petanda kepada kebenaran akidahnya.

Dari sini, dapat difahami keprihatinan al-Banjari dalam soal menjaga kemurnian agama dalam pemikiran dan tanggapan masyarakat Melayu khusus berkaitan bahaya bidaah dan wasilah-wasilah kepada mengiktirafkannya walau dengan cara tidak langsung atau tidak disedari. Selain itu, dari kenyataan al-Banjari di atas, dapat difahami tentang perbezaan hukum menjadi makmum bagi seorang alim daripada orang awam lain. Perbezaan ini wujud ialah untuk menjaga kemaslahatan agama Islam.

Seorang yang berstatus alim lebih perlu berhati-hati kerana perbuatan dan tindak tanduk mereka akan dijadikan panduan dan hujah oleh orang awam termasuk kesalahan dan *zallat* (kegelinciran) mereka. Ini adalah disebabkan agama Islam diturunkan untuk diikuti masyarakat dan masyarakat awam memang sentiasa dianjurkan supaya mematuhi orang alim kerana mereka pewaris ilmu anbiya dan dianggap pemimpin umat khususnya dalam hal keagamaan.

Untuk lebih tegas, al-Banjari mengatakan haram berimam kepada ahli bidaah yang sudah mencapai darjat kafir dengan bidaahnya seperti orang yang mengatakan Allah tidak mengetahui *juz’iyyat* dan yang *ma’dum*, dan mereka mengingkari kebangkitan tubuh badan manusia dari kubur serta perhimpunan di Mahsyar atau bidaah golongan *mujassimah* iaitu puak yang menyakini Allah berjihad (berarah).

---

alim yang mashur kerana bahawasanya jadi sebab ia bagi disebutkan orang awam dengan bidaahnya (adapun) yang jadi kafir ia dengan bidaahnya seperti yang beriktikad bahawa Allah taala tiada mengetahui akan segala juziyyat dan yang makdum dan yang mungkir akan bangkit dari dalam kubur dan berhimpun di mahsyar (dan demikian lagi) kaum mujassimah dan yang beriktikad bahawa Allah berjihad maka tiada sah mengikut dia seperti sekalian kafir yang lain” (al-Banjari, t.th.)

Dapat dilihat al-Banjari memberi kupasan tentang jenis-jenis bidaah iktikad yang besar kesalahannya dalam *Sabil al-Muhtadin*. Bidaah-bidaah iktikad ini boleh membawa kepada rosaknya akidah seseorang muslim dan menjadi kafir. Oleh itu haram dijadikan ahli bidaah seperti ini sebagai imam solat dan haram diikuti. Kesemua ini dapat dikatakan satu bentuk usaha penjagaan agama yang sangat realistik dalam masyarakat Melayu.

ii. **Menghormati kitab suci dan ilmu agama:**

Dalam *Bab al-Istinja`* pada juzuk 1, hlm. 52, al-Banjari mengatakan adalah haram dan tidak memadai jika beristinja dengan benda yang dihormati –pada pandangan syarak- seperti benda-benda yang tertulis di dalamnya ilmu pengetahuan umpama ilmu hadis, fekah, tafsir atau ilmu-ilmu alat. Sebaliknya menurut al-Banjari, dibolehkan beristinja dengan kitab-kitab yang tidak dihormati seperti kitab falsafah, kitab suci Taurat dan Injil yang diketahui sudah berubah dari kandungan aslinya dan tidak tercantum nama Allah di dalamnya.

Setelah pengkaji meneliti kalam al-Banjari berkaitan beristinja dengan kitab Taurat dan Injil seperti di atas didapati pandangan itu sebenarnya bukan daripada hasil ijtihad beliau sendiri. Ia adalah dinukil dari ijtihad al-Qadi yang dinukil oleh beberapa ulama muktamad seperti al-Khatib (1994: 188-189) dalam *al-Mughni*, Ibn Hajar (2000: 45) dalam *al-Manhaj al-Qawim*, al-Ramli (1984:404) dalam *Sharh al-Irshad* dan ramai lagi daripada ulama *Hashiyah*.

Di Nusantara, dua kurun sebelum al-Banjari, al-Raniri telah mengemukakan pandangan ini dalam *al-Sirat al-Mustaqim* yang selesai dikarang tahun 1644M. (Mahsun, 2005: 36-37) Mungkin sebab itu al-Banjari tidak berasa canggung dengan ijtihad al-Qadi lalu turut memperkatakannya dalam *Sabil al-Muhtadin*. Namun jika dirujuk kepada *Bughyat al-Tullab*, Dawud al-Fatani (t.th: 77) hanya menyentuh keharusan beristinja dengan kitab yang tidak dihormati seperti kitab falsafah dan hikayat yang dusta yang tidak tertulis di dalamnya sebarang isim yang muazzam. Beliau tidak menyatakan sebarang nama kitab suci seperti Taurat dan Injil.

Berbalik kepada al-Raniri di atas, tulisannya itu telah dikritik kuat oleh Steenbrink. Kritikan ini boleh dirujuki antaranya dalam buku *Kitab Suci atau Kertas Toilet?: Nuruddin ar-Raniri dan Agama Kristen* dan lain-lain penulisan akademik. (Mahsun, 2005: 36-37) Oleh itu, *Sabil al-Muhtadin* yang membawa hal yang sama berkaitan tentunya dapat diseret bersama ke dalam polemik tersebut.

Dari sisi *Maqasid al-Shari'ah*, usaha al-Banjari menjelaskan kepada masyarakat Melayu tentang apa yang perlu dihormati oleh mereka lantaran beragama Islam mempunyai tujuan yang penting. Seorang muslim hanya perlu menghormati apa yang dihormati oleh syaraknya bukan berpandukan kepada pilihan sendiri yang tidak berteraskan Islam. Dengan ini citra Islam dalam diri mereka dapat menyerap ke seluruh jiwa dan raga dengan sempurna.

Barangkali timbul sedikit kemusykilan apabila dikatakan bagaimana boleh atau sanggup beristinja dengan kitab-kitab suci agama seperti kitab Taurat dan Injil kerana ia juga kitab-kitab Allah. Kemusykilan itu sebenarnya telah ditangkis oleh al-Banjari sewaktu menggariskan sekurang-kurangnya diperlukan dua syarat untuk dibolehkan beristinja dengan kedua kitab tersebut. Hal ini demikian kerana sememangnya kedua kitab tersebut tetap terhormat pada pandangan iman umat Islam kerana ia juga kalam Allah seperti al-Quran.



Syarat pertama ialah perlu diyakini terlebih dahulu bahawa kandungan kitab-kitab tersebut sudah berubah daripada yang asli. Syarat kedua ialah ia tidak lagi mengandungi nama Allah. Mungkin secara realiti, dapat diandaikan bahawa agak sukar sebenarnya untuk memenuhi dua syarat di atas secara serentak khususnya di zaman al-Banjari.

Bagi syarat pertama, guru al-Banjari, al-Kurdi, telah menukil kenyataan dari *al-I'ab* yang menjelaskan bahawa para ulama telah sepakat memutuskan bahawa kitab Taurat dan Injil di zaman sekarang sudah tidak asli kerana telah diubah dari sudut lafaz dan maknanya sekaligus. (al-Shirwani dlm. al-Haytami, 1983: 178)

Bagi syarat kedua, ia hanya satu keadaan khas iaitu sebelum diistinjak dengannya perlu dipastikan tidak tertulis nama Allah. Ini bererti jika helaian Taurat dan Injil itu betul-betul kosong daripada nama Allah barulah boleh dipakai. Oleh itu ia memerlukan pengetahuan dan kepastian. Tidak boleh secara semberono menggunakannya meskipun darurat. Malah dalam kata-kata al-Raniri,

Bagi pengkaji, salah sangka dari golongan ahli kitab tentang perlakuan mengharuskan beristinjak dengan kitab-kitab suci mereka –walaupun setelah dapat dipenuhi dua syarat di atas- boleh mengundang banyak masalah lain seperti mereka akan menggunakan mushaf al-Quran untuk perkara yang sama atau lebih teruk. Dalam hal ini, Nabi s.a.w pernah berperang dengan Yahudi di Khaibar dan selepas perang Nabi s.a.w memperoleh kitab Taurat yang memang sudah diketahui tidak lagi asli atau telah banyak diubah. Nabi s.a.w dengan senang menyerahkan kembali kitab tersebut ke tangan Yahudi. (al-Waqidi, t.th. 2:680; al-Maqrizi, 1999: 318 )

Al-Halabi seorang imam bermazhab Syafii dalam kitab sirahnya yang terkemuka ada menyelitkan pandangan para imam *shafi'iyah* yang menggariskan sebarang kitab suci selain al-Quran tidak harus diambil darinya manfaat. Ia perlu dipadam jika mampu atau dikoyak atau jika diperoleh dalam rampasan perang ia boleh dijual. Hukum yang dipegang oleh *shafi'iyah* ini menurut komen al-Halabi adalah bertentangan dengan apa yang berlaku dalam sirah Nabi s.a.w. (al-Halabi, 1400: 2: 745)

Apa yang penting adalah tindakan Nabi s.a.w itu mempunyai kebaikan yang tersendiri. Nabi s.a.w tidak langsung mencederakan hati Yahudi khususnya jika ia berkaitan kitab suci mereka. Dalam masa yang sama, Nabi s.a.w menunjukkan sikap hormat, kesantunan dan adab Islam yang sangat tinggi.

Barangkali al-Banjari sepertimana beberapa ulama lain di zaman penjajahan terkesan dengan kemaraan kuasa dan pengaruh dakyah Kristian ke Nusantara. Maka sikap dan pendirian yang tegas seperti ini tidak dimungkiri boleh berlaku kerana didorong faktor suasana. Sememangnya semangat berjihad melawan dakyah Kristian waktu itu di Nusantara tidak memberi sedikit ruang pun dalam hati kepada dakwah Kristian.

### iii. **Memelihara dakwah Islamiah:**

Dalam {Fasal} Pada Menyatakan Orang Yang Wajib Atasnya Sembahyang Dan Barang Yang Disebutkan Sertanya juzuk 1, hlm. 161, al-Banjari menjelaskan bahawa orang kafir yang asli apabila memeluk Islam maka haram baginya menqada segala sembahyang yang terlepas semasa kafirnya supaya menggemarkannya kepada Islam. Ini juga kerana jika dituntut atasnya menqada

kesemua itu maka yang demikian akan membuatnya dirinya *taqsir* terhadap Islam kerana banyak *mashaqqah* yang akan ditanggungnya lebih-lebih lagi jika dia sudah lewat masuk Islam iaitu setelah lama hidup sebagai kafir. Bahkan untuk menggantikan segala keterlepasannya di masa kafirnya, diampun baginya segala dosanya semasa dia kafir tetapi diberi pahala atas segala amalannya yang baik yang tidak memerlukan niat waktu kafirnya seperti memerdekakan hamba abdi, bersedekah dan sebagainya. Di sini tergambar sudut penjagaan agama bagi golongan muallaf khususnya ketika dikatakan haram mengqada segala solatnya yang tidak dilakukan semasa kafirnya walaupun pada segi asal, segala *furu' al-shari'ah* adalah wajib atasnya semasa waktu kafirnya lagi kerana dia tetap akan disoal mengenainya ketika di akhirat, cuma dia terhalang seketika di dunia daripada melaksanakannya kerana belum masuk Islam.

#### iv. **Menjaga pelaksanaan segala ibadah yang disyariatkan:**

"{Fasal} Pada Menyatakan Hukum Yang Meninggalkan Sembahyang" pada juzuk ke-2 hlm. 64. Dalam teks tersebut, al-Banjari menegaskan bahawa orang Islam yang baligh serta berakal sama ada yang alim atau yang jahil sebab sengaja tidak mahu belajar dari ulama, dihukum menjadi murtad jika dengan sengaja meninggalkan satu solat fardu yang diingkari hukum wajibnya atau diingkari tentang wajib salah satu rukun solat atau syaratnya. Meskipun demikian mestilah orang itu tahu bahawa perkara itu wajib. Jika diingkarinya sebab baru masuk Islam atau kerana tinggal di tempat yang jauh dari ulama maka tidaklah dihukumkan murtad. Jika ditinggalkan bersolat kerana enggan sahaja bukannya kerana ingkar maka dia tidak jatuh murtad iaitu selagi dia masih meyakini tentang wajib bersolat. Pada waktu keengganan bersolat ini, sunat ke atas ketua negara atau naibnya menyuruh orang itu bertaubat. Akan tetapi wajib ke atas ketua negara atau naibnya menjatuhkan hukum *hadd* iaitu dibunuh walaupun kesalahannya hanya meninggalkan satu solat melainkan jika sempat dikerjakan solat dalam waktu *darurah* iaitu waktu *jama'* maka belum boleh dijatuhkan murtad. Jika terlepas juga dari waktu *darurah* maka disuruhkan lagi bertaubat supaya tidak dibunuh. Bagi yang sabit sebagai murtad, wajib atas ketua negara atau wakilnya menyuruhnya bertaubat. Jika tidak maka hendaklah dibunuh.

Penjelasan di atas ialah khusus berkaitan kaedah penjatuhan hukum murtad ke atas orang yang meninggalkan solat atau suatu rukun dan syaratnya. Ia mesti dikaitkan terlebih dahulu dengan sebab atau *'illah* meninggalkan solat iaitu sama ada dengan uzur atau tidak atau sama ada dengan sengaja atau tidak atau sama ada dengan keingkaran atau keengganan atau sama ada sanggup bertaubat atau tidak dan sebagainya. Kesemua ini digariskan supaya hukum murtad tidak dijatuhkan dengan mudah. Jelaslah bahawa ia adalah satu daripada usaha penjagaan agama dalam bagi penganutnya.

Al-Banjari juga menjelaskan prosedur hukuman bunuh yang berbeza sedikit antara orang yang meninggalkan sembahyang kerana keengganan dan yang meninggalkannya kerana murtad. Disyaratkan pada yang enggan, bangun mengerjakan solatnya walaupun dalam waktu *darurah* supaya tidak dibunuh. Bagi yang murtad, diwajibkan bertaubat yakni masuk Islam kembali supaya tidak dibunuh. Semua prosuder ini merupakan satu daripada contoh penjagaan nyawa seseorang agar tidak dilenyapkan tanpa sebab sebenar yang ditetapkan demi kebaikan bersama.

Al-Banjari juga menegaskan tentang bentuk hukuman bunuh yang perlu dijalankan. Menurutnyanya ketua negara atau naibnya hanya boleh menggunakan cara memenggal batang leher dengan pedang atau lainnya. Cara yang lain daripada itu adalah tidak diharuskan. Pada pengkaji,

larangan ini adalah diasaskan atas kefahaman perlu menjaga nas agama yang *sarih* daripada diubah-ubah mengikut tafsiran nafsu atau pemikiran yang tidak berlandaskan kehendak syarak. Menjaga bentuk pelaksanaan hukuman ini menjamin pengekalannya dari sudut *mabani* iaitu bentuk-bentuk ritual yang zahir dari nas. Jika tidak tentulah hukuman agama akan hilang bentuknya yang perlu dihormati kerana ia ditetapkan oleh *al-Shari*<sup>c</sup>. Sebagai pengukuhan al-Banjari mengatakan sunat atas ketua negara menyuruh orang yang meninggalkan solat (dijelaskan juga seperti puasa, zakat, haji dan lain-lain yang wajib secara sepakat ulama) bertaubat. Jika orang enggan maka wajib atas ketua negara memenggal leher orang itu dengan pedang atau alat lain. Sebelum itu wajib atas kepala negara atau wakilnya memerintahkan rakyat mengerjakan solat apabila sempit waktu dan hendaklah diancamkan mereka dengan dibunuh jika solat di luar waktu.

## Kesimpulan

Kitab *Sabil al-Muhtadin* bukan hanya mengandungi ilmu fekah ibadat untuk kegunaan dan amalan orang Melayu tetapi secara khususnya isinya disusun dengan tujuan menerap dan membudayakan nilai-nilai kemelayuan dalam kehidupan. Antara nilai-nilai Melayu yang utama adalah nilai agama. Nilai ini merupakan intipati jati diri Melayu. Dalam memupuk dan membina nilai ini dalam jiwa Melayu, para ulama antaranya al-Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari menerusi kitab fekah *Sabil al-Muhtadin* berjaya menanam secara tidak langsung sekurang-kurangnya empat bentuk nilai agama yang perlu dipraktik dan dibudayakan dalam amalan hidup seharian iaitu nilai menjaga kemurniaan agama daripada bidaah, nilai menghormati kitab suci dan ilmu agama, nilai memelihara dakwah Islamiah dan nilai menjaga pelaksanaan segala ibadah yang disyariatkan.

## Biodata Penulis

Muammar Ghaddafi Hanafiah PhD, Pensyarah Kanan Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), FSSK, UKM.

Wan Nasyrudin Wan Abdullah PhD, Pensyarah Kanan Pusat Turath, Fakulti Pengajian Islam. UKM.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff PhD, Pensyarah Kanan Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), FSSK, UKM.

## Rujukan

Al-Banjari, Muhammad Arsyad. 2015. *Tuhfat al-Raghibin*. Kelantan: Jabal Maraqy Sdn. Bhd.

Al-Banjari, Muhammad Arsyad. t.th.. *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh bi Amr al-Din*. Singapura: Pustaka Nasional.

Al-Bantani, al-Tanari Muhammad ibn <sup>c</sup>Umar Nawawi al-Jawi. t.th. *Nihayat al-Zayn fi Irshad al-Mubtadi`in*, Dar al-Fikr, Beirut.

- D.Madhavi Latha Murthy & Madhumita Ghosal, 2014. A Study On Aristotle's Rhetoric, *Research Journal Of English Language And Literature (Rjelal) A Peer Reviewed (Refereed) International Journal*, Vol.2.Issue.4.2014. <http://Www.Rjelal.Com> [24 September 2017]
- Don Tapscott. 2009. *Grown Up Digital How The Net Generation Is Changing Your World*. New York; The Mc Graw Hill Companies.
- Al-Fatani, Dawud ibn ʿAbd Allah. t.th. *Bughyat al-Tullab li Murid Maʿrifat al-Ahkam bi al-Sawwab*. Thailand: Maktabat wa Matbaʿat Muhammad al-Nahri wa Awladih.
- Al-Halabi, ʿAli ibn Burhan al-Din. 1400 H, *al-Sirah al-Halabiyyah fi Sirat al-Amin al-Maʿmun*. Beirut: Dar al-Maʿrifah.
- Hanapi Dollah. 2008. Etos Melayu. Dlm. Anwar Omar Din (pnyt.). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, Cetakan Kedua, Penerbit UKM.
- Hanapi Dollah. 2008. Etos Melayu. Dlm. Anwar Omar Din (pnyt.). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, Cetakan Kedua, Penerbit UKM.
- Hashim Haji Musa. 2008. *Hati Budi Melayu Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*, Serdang; Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Haji Musa. 2008. *Hati Budi Melayu Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*, Serdang; Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Al-Haytami, Ahmad ibn Muhammad ibn ʿAli ibn Hajar, Shihab a-Din. 1983M/1357H. *Tuhfat al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj/ Hashiyat al-Imam ʿAbd al-Hamid al-Shirwani wa Hashiyat al-Imam Ahmad ibn Qasim al-ʿAbbadi*. al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra bi Misr li Sahibiha Muhammad Mustafa.
- Al-Haytami, Ahmad ibn Muhammad ibn ʿAli ibn Hajar, Shihab al-Din. 2000. *Al-Manhaj al-Qawim sharh al-Muqaddimah al-Hadramiyyah*. t.tp: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Edisi ke-2, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Edisi ke-2, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- JAKIM. 2015. *Indeks Syariah Malaysia Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jane Stokes. 2013. *How to Do Media and Cultural Studies Second Edition*. London: SAGE Publications Ltd.

- Al-Khatib, Muhammad ibn Ahmad al-Sharbini. Shams al-Din. 1994/ 1415 H. *Ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Edisi Pertama. t.tp: Dar al-Kutub al Mughni al-Muhtaj - 'Ilmiyyah.
- Laurent Metzger. 2009. *Nilai-Nilai Melayu Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Terj. Tanjung Malim; Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahsun Fuad. 2005. *Hukum Islam Indonesia: dari nalar partisipatoris hingga emansipatoris*. Yogyakarta: PT LKis Pelangi Aksara Yogyakarta.
- Al-Maqrizi, Taqi al-Din Ahmad ibn 'Ali ibn 'Abd al-Qadir, Abu al-'Abbas al-Husayni al-'Abidi. 1999. *Imta' al-Asma`bi ma li al-Nabi min al-Ahwal wa al-Amwal wa al-Hafadah wa al-Mata'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Mohd. Taib Osman & Abu Hassan Sham. (Sunt.) 1975. *Warisan Prosa Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muammar Ghaddafi bin Hanafiah. 2015. *Pemikiran al-Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari*. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. (Tesis PhD)
- Muammar Ghaddafi bin Hanafiah & Zulkefli bin Aini. 2016. *Falsafah Kesyumulan Pemikiran Melayu Islam Dalam Sabil al-Muhtadin* Karya al-Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Transformasi Sosial dan Intelektual Orang Banjar Kontemporer pada 09/08/2016 - 11/08/2016, Anjuran Kem. Agama RI Ins. Agama Islam Negeri Antasari, Banjarmasin Indonesia.
- Muammar Ghaddafi bin Hanafiah & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2018. *Etos Melayu Unsur dan Perubahan*. Bab dalam buku. *Etos dan Ekspresi Budaya Melayu*. PPBKKM.
- Muammar Ghaddafi bin Hanafiah & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2017. *Etos Melayu Dalam Pembentukan Generasi Z*. Kertas Kerja. Seminar Sebahtera 2017 Anjuran APU UM BAYU UKM, Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya .
- Al-Ramli, Muhammad ibn Ahmad, Shams al-Din. *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. 1984 M/ 1404 H. Beirut: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah
- Triadafilos Triadafilopoulos. 2009. *Politics, Speech, and the Art of Persuasion: Toward an Aristotelian Conception of the Public Sphere*, *The Journal of Politics*, Vol. 61, No. 3 (Aug., 1999), Cambridge University Press on behalf of the Southern Political Science Association Stable URL: <http://www.jstor.org/stable/2647826>. pp. 741-757
- Ülkü D. Demirdöğen. 2010. *The Roots of Research in (political) Persuasion: Ethos, Pathos, Logos and the Yale Studies of Persuasive Communications*. *International Journal of Social Inquiry* Volume 3 Number 1 2010 pp. 189-201
- Al-Waqidi, Abu 'Abd Allah, Muhammad ibn 'Umar ibn Waqid. *Maghazi al-Waqidi, tahqiq Marsadan Jones*. Beirut: 'Alam al-Kutub